

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. DR. LEE BOON CHYE
(GOPENG)
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 08.10.2014

Y.B. DR. LEE BOON CHYE [GOPENG] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah pampasan yang diberikan kepada syarikat-syarikat ATES Sdn Bhd dan Bina Tegap Sdn Bhd kerana pembatalan penswastaaan AES.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pengambilalihan pelaksanaan AES daripada ATES Sdn Bhd dan Beta Tegap Sdn Bhd masih belum

dimuktamadkan kerana Kerajaan perlu memperhalusi opsyen terbaik bagi menyelesaikan proses pengambilalihan berkenaan. Oleh yang demikian, sebarang maklumat terutamanya amaun pampasan merupakan maklumat sulit dan terperingkat. Dalam hubungan ini, Kerajaan sentiasa komited bagi memastikan pengambilalihan AES ini diselesaikan dengan berhemah serta mencapai win-win solutions dan dalam masa yang sama tidak membebankan kewangan Kerajaan.

NO. SOALAN: 42

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 8 OKTOBER 2014

RUJUKAN : 7116

SOALAN:

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimanakah perkembangan siasatan polis ke atas kes kematian mendiang Teoh Beng Hock ekoran keputusan Mahkamah Rayuan mengenainya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

PDRM akan menjalankan siasatan berhubung dengan keputusan Mahkamah Rayuan pada 5 September 2014 yang mengetepikan keputusan Mahkamah Koroner dalam Inkues kematian pembantu politik DAP, Teoh Beng Hock.

Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa kematian Teoh Beng Hock adalah kematian dalam tahanan apabila ditahan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan menolak dakwaan bahawa mangsa membunuh diri. Mahkamah juga menyatakan bahawa punca kematian mangsa disebabkan oleh seseorang atau lebih dari seorang.

Satu pasukan khas telah ditubuhkan oleh pihak Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman bagi menyiasat punca dan perkara ini dengan mengambil kira keputusan Mahkamah Rayuan dalam semua perkara yang melibatkan PDRM. Kementerian tidak bercadang mengulas lanjut berkaitan kes ini memandangkan siasatan kes ini masih lagi berjalan dan ianya dikhuatiri boleh mengganggu proses siasatan tersebut.